

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : MEKANISME ADUAN PBT

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri ada merancang sebarang mekanisme untuk memastikan kerajaan tempatan mengambil tindakan pantas dalam menyelesaikan aduan-aduan rakyat?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, mekanisme sistem aduan yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah Sistem SISPAA (Sistem Pengurusan Aduan Awam), APLIKASI RAKYAT RESPONZ daripada Biro Pengaduan Awam (BPA) dan APLIKASI i-TEGUR yang dibangunkan oleh KPKT.

Di samping itu, PBT sendiri telah membangunkan *mobile application* bagi aduan supaya memudahkan orang awam dan pemantauan dapat dilaksanakan di peringkat jabatan dalaman untuk menyelesaikan aduan. Sistem aduan secara *mobile application* ini dilengkapi dengan sistem pemetaan/GPS bagi mempercepatkan pergerakan ke lokasi aduan dan gambar berkaitan aduan juga boleh dimuatnaik.

Selain itu, aduan juga boleh dibuat melalui Talian Aduan Bebas Tol, e-mail, kaunter aduan PBT dan Hari Bertemu Pelanggan di PBT masing-masing.

Untuk makluman semua Yang Berhormat, PBT telah mewujudkan kategori keutamaan aduan bagi mengambil tindakan penyelesaian, iaitu:

- Keutamaan 1 :1-3 Hari (Tindakan segera)
- Keutamaan 2 :1-14 Hari (bagi yang melibatkan penyelenggaraan dan penguatkuasaan)
- Keutamaan 3 :Melebihi 90 Hari (bagi yang melibatkan perancangan dan kewangan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PENJUALAN ARAK

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membuat larangan penjualan arak di kedai serbaneka seperti 7eleven dan Speedmart 99.

JAWAPAN:

- a) Istilah arak yang diguna pakai di bawah Akta Kastam 1967 ialah "liquor yang memabukkan". Berdasarkan Seksyen 2(1) Akta Kastam 1967, takrif "liquor yang memabukkan" termasuklah apa-apa alkohol, atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada 2% *spirit pruf* atau alkohol mutlak. Di bawah Seksyen 32 Akta Eksais 1976 pula, sebarang penjualan liquor yang memabukkan secara runcit memerlukan lesen.

Walau bagaimanapun, Seksyen 32 Akta Eksais 1976 ini juga memberikan pengecualian lesen jualan runcit bagi minuman ringan beralkohol seperti bir atau todi memandangkan ia bukanlah ditakrifkan sebagai liquor yang memabukkan. Oleh yang demikian, tiada larangan oleh Kerajaan Negeri terhadap penjualan minuman ringan beralkohol di kedai-kedai runcit atau kedai serbaneka kerana ia dibenarkan dijual tanpa perlu mendapatkan lesen selaras dengan peraturan di bawah Seksyen 2(1) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 32 Akta Eksais 1976 yang saya nyatakan tadi.

Bagi memastikan kawalan terhadap penjualan arak atau minuman ringan beralkohol di kedai serbaneka seperti 7 eleven dan Speedmart 99, Kerajaan Negeri telah menetapkan setiap premis diminta untuk mengamalkan sistem kawalan sendiri atau *self-regulatory* dalam penjualan minuman ringan beralkohol iaitu dengan meletakkan minuman tersebut di ruang yang berasingan dan pemakluman larangan dijual kepada orang islam serta bawah 18 tahun hendaklah diwujudkan. Jika didapati pemilik premis menjalankan aktiviti penjualan arak tanpa kelulusan, tindakan kompaun dan sitaan akan dikenakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PEMBERDAYAAN KOMPLEKS PKNS, SHAH ALAM

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan PKNS Real Estate untuk memberdayakan semula Kompleks PKNS, Shah Alam sebagai tarikan kepada para pengunjung?
- b) Apakah strategi PKNS Real Estate bagi membantu peniaga dan penyewa yang beroperasi di Kompleks PKNS, Shah Alam untuk meningkatkan hasil jualan mereka?

JAWAPAN:

- a) PKNS Real Estate (PREC) telah mengambil langkah pro aktif dalam strategi serta hala tuju untuk mengharungi arus pemodenan yang sedang berlaku.

Melalui itu, PREC telah menjalankan beberapa tarikan baru di Kompleks PKNS Shah Alam serta kawasan yang berhampiran diantaranya ialah :

- i) Mewujudkan aktiviti seperti Flea Market serta aktiviti Food Truck di SACC Walk pada setiap Jumaat, Sabtu dan Ahad bermula jam 6.00 petang sehingga 12 malam. Flea Market menawarkan barang vintage/antik, aktiviti untuk kanak-kanak, persembahan buskers dan banyak lagi aktiviti menarik yang bakal dilaksanakan. Jualan barang di Flea Market ini telah melalui saringan bagi memastikan produk yang dijual itu tidak menyamai dengan penyewa-penyewa yang sedia ada di Kompleks PKNS Shah Alam. PREC mementingkan kepelbagaiannya produk dan Flea Market ini bertujuan menambahkan bilangan pengunjung yang datang ke Kompleks di sebelah petang.
- ii) PREC juga komited untuk menjadikan Kompleks PKNS Shah Alam sebagai Hub Haji dan Umrah serta memenuhi keperluan muslimin dan muslimat.
- iii) Kompleks PKNS Shah Alam merupakan bangunan ikonik di Shah Alam dan ‘hybrid mall’ yang menggabungkan bazar dengan ‘mall’ serta telah

mengambil alih peranan Wisma Yakin, Kuala Lumpur dalam menyediakan keperluan harian dan pakaian serta juadah sambutan perayaan terutamanya bulan ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri/Aidil Adha

- iv) PREC dalam perancangan untuk mewujudkan kerjasama dengan pihak Tourism Selangor bagi memastikan Kompleks PKNS Shah Alam sebagai salah satu destinasi program pelancongan bagi tempat yang perlu dikunjungi di Selangor.
- v) PREC banyak mengadakan kerjasama dengan media cetak dan elektronik dengan tujuan bagi membuat hebahan serta publisiti dari segi liputan media terhadap Kompleks PKNS Shah Alam.
- vi) PREC mengadakan variasi dan penambahan penyewa serta produk seperti :
 - a) Boat Noodle
 - b) Burger King
 - c) Kedai Ustaz(aksesori telefon)
 - d) Mahnaz
 - e) Restoran Vanggeydan lain-lain agar dapat memenuhi citarasa dan keperluan para pengunjung.
- vii) Tarikan-tarikan lain yang telah dirancang bagi pengunjung ke Kompleks PKNS Shah Alam dengan aktiviti untuk kanak-kanak seperti Choo-Choo Train, Kiddy Ride, Inflatable Castle dan banyak lagi.
- viii) Tayangan rancangan/program TV secara langsung bagi memberikan kemudahan kepada para pengunjung seterusnya menjadikan Kompleks PKNS Shah Alam kekal relevan dari masa ke semasa.
- ix) Mewujudkan ruang yang dikenali sebagai Tempat Orang Lokal (TOL) dengan pengisian hiburan dan aktiviti pertandingan dan jualan ‘happy hour’ dari usahawan TOL yang mampu menarik minat pengunjung ke Kompleks PKNS Shah Alam. Antara barisan artis yang pernah membuat persembahan di TOL adalah Elly Mazlein, Wany Hasrita, Ifa Raziah, Siti Nordiana dan ramai lagi. Disamping itu juga TOL menyediakan peluang baik untuk usahawan bumiputera yang memerlukan ruang niaga permulaan bagi perniagaan. TOL berkonsep ‘micro retailing’ bertujuan memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil sederhana untuk

menjalankan perniagaan. Dijangka terdapat pertambahan 20% pengunjung muda ke Kompleks PKNS dengan wujudnya TOL.

- b) Dalam mengharungi ekonomi yang semakin mencabar serta kewujudan pesaing-pesaing baru didalam pasaran perniagaan terutama perniagaan e-dagang, PREC sedar bahawa para peniaga mengalami cabaran dalam meraih jualan yang tinggi.

Menurut Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darell Leiking, e-dagang menyumbang sebanyak RM86.5 bilion untuk Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2017 dengan pertumbuhan tahunan pada 12.5 peratus. Jumlah ini dijangka akan bertambah dengan pesat dalam tahun-tahun yang mendatang.

Di samping itu, Google baru-baru ini meningkatkan ramalannya dengan menyatakan sektor e-dagang berkembang lebih cepat daripada dijangkakan dan akan meraih RM426 bilion dalam nilai barang kasar ‘Gross Market Value’ (GMV) menjelang 2025.

PREC mengambil langkah-langkah proaktif bagi membantu meningkatkan hasil jualan penyewa-penyewa Kompleks PKNS Shah Alam melalui usaha-usaha berikut:

i) Penjenamaan Semula

Membuat penjenamaan semula untuk Kompleks PKNS Shah Alam dengan menaiktaraf fasiliti serta fasad bangunan supaya kekal berdaya saing dan kekal relevan didalam pasaran. PREC telah membelanjakan hampir RM5 juta dan masih giat dalam menjalankan kerja-kerja naiktaraf penghawa dingin, ‘chiller’, surau, tandas, dan lain-lain. Terbaru, proses

mengecat bahagian luar bangunan Kompleks PKNS Shah Alam yang memakan masa selama 4 bulan telah menelan perbelanjaan sebanyak RM3.4 juta. Naiktaraf ini dirasakan sangat perlu memandangkan kali terakhir proses mengecat bangunan itu dilakukan pada 15 tahun lalu iaitu pada tahun 1995. Ini semua dilakukan bagi memberikan keselesaan kepada para pengunjung supaya menghabiskan lebih banyak masa di Kompleks PKNS Shah Alam.

ii) Penaiktarafan Jabatan Imigresan Malaysia

PREC membelanjakan sebanyak RM7 juta bagi menaiktaraf Jabatan Imigresen Malaysia pada suku tahun kedua agar mereka kekal beroperasi di Kompleks PKNS Shah Alam. Langkah ini perlu dilakukan bagi memudahkan penduduk Shah Alam untuk berurusan mengenai paspot keluar masuk negara serta urusan-urusan lain yang berkaitan, sekaligus meningkatkan jumlah pengunjung dan urusan perniagaan di kalangan penyewa.

iii) Penambahan Penyewa Berprofil Tinggi

Mengekalkan kadar penghunian sebanyak 95% pada suku tahun pertama dengan membawa masuk pelbagai penyewa-penyewa yang berprofil tinggi seperti Burger King, Vanggey, Mahnaz, Boat Noodle, Chatime, Kedai Ustaz, 7 Eleven dan lain-lain lagi.

iv) Hebahan dan Publisiti

PREC juga membuat hebahan dan publisiti secara agresif dan meluas di media sosial dengan mempromosikan produk-produk penyewa. Selain itu, PREC memberikan kerjasama kepada para penyewa dengan pemberian ruang-ruang pengiklanan secara percuma seperti papan pengiklanan, skrin digital, ‘lift wrap’, ‘flyers’ dan lain-lain bagi tujuan mempromosikan produk mereka dengan lebih berkesan.

v) Aktiviti Promosi

PREC mengambil langkah memberikan peluang kepada para peniaga untuk melibatkan diri di dalam program-program promosi yang dianjurkan oleh PREC setiap bulan bagi membantu para peniaga meningkatkan hasil jualan mereka. PREC telah memperuntukkan belanjawan sebanyak RM1.4 juta setahun melalui aktiviti promosi dan penyediaan keperluan penganjuran program.

vi) Program ‘Year End Sale’

Mempergiatkan penganjuran program dengan kerjasama para peniaga seperti ‘Year End Sale’, ‘Back To School’ dan sebagainya. Semua

program tersebut menjadi platform bagi para peniaga mempromosikan produk mereka di kawasan atrium pada hujung bulan.

vii) **Festival Ramadan Selangor**

Mengadakan acara-acara yang berimpak tinggi seperti Festival Ramadan Selangor (FESTIRA) yang penuh dengan pengisian pentas dan telah menaikkan kadar pengunjung sebanyak 40% sepanjang bulan Ramadhan pada tahun 2018 berbanding 2017.

viii) **Program PREC Apprenticeship**

Program PREC Apprenticeship turut dianjurkan dengan kerjasama pihak IPTA/IPTS (MSU, Unisel, UIA) dengan mengadakan pertandingan pemasaran dalam talian atau digital. Program yang menelan belanja RM20,000 ini adalah bertujuan bagi membantu para peniaga untuk memasarkan produk melalui pemasaran dalam talian atau digital seperti media sosial dan laman sesawang, video (Facebook, Instagram, Twitter, Youtube dan sebagainya). Para pelajar turut dibekalkan dengan ilmu baru mengenai pemasaran digital melalui kelas yang diadakan semasa tempoh pertandingan. Walaubagaimanapun Program PREC Apprenticeship ini kurang mendapat sambutan daripada kalangan pelajar memandangkan ini merupakan penganjuran buat kali pertama disebabkan kekangan masa oleh para pelajar.

Namun pihak PREC bercadang untuk meneruskan penganjuran ini dengan penglibatan pelajar dalam skala yang lebih besar pada tahun 2019.

ix) **Pengagihan Geran MARTADE**

PREC sedang bekerjasama dengan syarikat Avana yang merupakan rakan strategik rasmi Facebook untuk mengagihkan geran kepada para penyewa daripada Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) berjumlah RM5,000 bagi setiap peniaga untuk mewujudkan laman sawang e-dagang dan mempromosikan produk secara digital.

x) Aplikasi Teknologi Pembayaran

PREC dalam proses untuk mengaplikasikan teknologi pembayaran secara digital melalui “e-wallet” iaitu dengan kerjasama Mruncit Commerce Sdn Bhd atau M Cash yang telah mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia. Di samping itu, aplikasi “e-wallet” lain seperti Touch N Go, Boost dan Grab Pay juga telah mendekati para penyewa untuk mempromosikan penggunaan aplikasi mereka. Inisiatif ini adalah penting bagi menambah pilihan platform bayaran dan memudahkan para pembeli.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)

TAJUK : INTERNET BERKELAJUAN TINGGI OLEH SMARTSEL

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh SmartSel untuk membangunkan infrastruktur internet jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan Kampung Sungai Jarom, Jenjarom dan Banting, Kuala Langat sejak tahun 2018 sehingga sekarang?

JAWAPAN:

- a) Pihak SMARTSEL dan pemberi perkhidmatan sedia ada (TM & Celcom) sentiasa berusaha memperluaskan liputan di kawasan luar bandar diseluruh Negeri Selangor, termasuklah kawasan Kampung Sungai Jarom, Jenjarom, Banting dan Kuala Langat, dengan mengagihkan *Access Point (AP)* ke tempat yang disasarkan di samping menaik taraf rangkaian teras dan kelajuan capaian di kawasan sasaran. Perbincangan dilakukan secara berterusan dan dijalankan bersama-sama pembekal perkhidmatan dalam mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu berkait dengan kualiti perkhidmatan dan kawasan liputan.

SMARTSEL Sdn Bhd, iaitu anak syarikat milik penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) telah ditubuhkan pada bulan Mac tahun 2017 untuk membangunkan infrastruktur digital dan telekomunikasi dengan lebih seimbang dan merapatkan kesenjangan digital di antara penduduk di luar bandar dan bandar.

SMARTSEL juga sedang berinteraksi dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) berkenaan polisi dan perancangan terperinci daripada pihak Kerajaan Pusat yang sedang menyiapkan “National Fiberisation and Connectivity Plan - NFCP” dalam masa terdekat. Ini akan membolehkan SMARTSEL membangunkan rangkaian gentian optik telekomunikasi dengan lebih tersusun dan sejahtera dengan hala tuju Kerajaan Malaysia. Interaksi dengan SKMM ini dilaksanakan agar Kerajaan Negeri Selangor juga boleh menggunakan dana “Universal Service Provision - USP” untuk pembangunan infrastruktur digital di kawasan luar bandar yang kekurangan capaian perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi.

Di samping itu, SMARTSEL juga sedang berbincang dengan pengendali dan pembekal perkhidmatan swasta (service provider - SP) sedia ada untuk bekerjasama bagi menyediakan kemudahan jalur lebar di seluruh kawasan di negeri Selangor. Inisiatif ini selaras dengan misi kerajaan Pusat melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar dengan harga yang berpatutan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor sedang melaksanakan kajian bagi mengenal pasti penyelesaian untuk membina infrastruktur digital khususnya rangkaian data melalui projek "Selangor Wide Area Network – SWAN". SWAN ini bertujuan untuk menyambungkan semua agensi-agensi Kerajaan Negeri Selangor, Pejabat Daerah & Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan rangkaian data dan Internet berkelajuan tinggi termasuk menggunakan teknologi gentian optik telekomunikasi, dan seterusnya melebarkan kemudahan projek dan jalur lebar. Buat masa ini, Projek SWAN masih di tahap kaji selidik.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)

TAJUK : GOLONGAN KELAINAN UPAYA (OKU)

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah galakan dan manfaat yang diberikan kepada golongan kelainan upaya (OKU) untuk menambah pendapatan dan mencari rezeki?

JAWAPAN:

- a) Keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap golongan OKU di dalam membantu menambah pendapatan dan mencari rezeki dizahirkan melalui pelbagai platform kepada golongan OKU agar mampu berdikari dan menyara diri sendiri dan keluarga dari terus bergantung harap kepada orang lain.

Antara program-program dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah melalui program-program pemberdayaan OKU yang pernah dijalankan dan masih diteruskan seperti Karnival Kerjaya dan Pemerkasaan Ekonomi OKU Tahun 2017 dan Karnival Kerjaya OKU Tahun 2018 yang telah diadakan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dan Jobs Malaysia. Karnival ini masih diteruskan pada tahun ini melalui jalinan usahasama positif di antara Jawatankuasa Tetap Modal Insan Selangor dan Jawatankuasa Tetap Kebajikan iaitu Selangor Mega Jobs Fair 2019.

Selain itu, Program *Zero To Hero* oleh Hijrah Selangor juga turut memberi ruang dan peluang kepada golongan OKU mendapatkan pinjaman bagi memulakan perniagaan bergantung kepada keupayaan dan minat individu tersebut. Berdasarkan rekod Hijrah Selangor, seramai 76 orang peserta program ini adalah dari golongan OKU.

Penglibatan dan keprihatinan terhadap golongan ini turut mendapat perhatian daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan menyediakan program dan kemudahan bagi menyuntik semangat golongan OKU yang berpotensi untuk meningkatkan ekonomi mereka.

Program-program dan kemudahan yang disediakan ini memberi fokus dan penekanan kepada usaha ke arah pendayaupayaan klien khususnya penerima bantuan melalui pendekatan *productive welfare*. Program pembangunan dan pengintergrasian bagi membantu klien mencapai matlamat ke arah berdikari

adalah melalui penjenamaan “*2 Years Exit Programme*” (2YEP). Pendekatan ini sangat menekankan kepada pemerkasaan klien agar lebih bermotivasi memperolehi latihan kemahiran yang bersesuaian dengan keupayaan mereka. Antaranya adalah :

i) Geran Pelancaran

Pemberian geran ini merupakan bantuan kewangan untuk memberikan galakan kepada kumpulan sasar Jabatan yang mempunyai minat dan potensi diri untuk maju dalam menceburi bidang perusahaan atau perniagaan kecil seterusnya dapat berdikari dan meningkatkan taraf hidup mereka. Suntikan dana permulaan Bantuan Geran Pelancaran (BGP) dengan kadar RM2,700 sekaligus ini membolehkan golongan OKU melancarkan rancangan jaya diri mereka agar dapat berdikari dengan usaha sendiri untuk memulakan perniagaan yang diceburi.

ii) Pusat Latihan Perindustrian & Pemulihan (PLPP) Bangi, Selangor

Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi (PLPP) adalah sebuah institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memberikan perkhidmatan kepada Orang Kurang Upaya Fizikal melalui latihan vokasional serta pemulihan perubatan. Terdapat pelbagai latihan, program dan kemahiran yang disediakan untuk membantu golongan OKU mendapatkan kursus pra-vokasional dan vokasional seperti Rekaan Fesyen & Jahitan (MLVK), Elektrikal (MLVK), Elektronik, Elektrikal, Prostetik dan Ortotik, Pembuatan Kerusi Roda, Komputer, Lukisan, Jahitan, Membatik dan lain-lain.

iii) Bengkel Daya Klang

Bengkel ini dikhaskan untuk OKU yang tidak berdaya saing bagi mendapat pekerjaan di pasaran terbuka. Bengkel ini bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada OKU, mempertingkatkan tahap keupayaan, kebolehan, pengetahuan dan kemahiran warga kurang upaya serta memberi sumber pendapatan kepada warga kurang upaya dalam bidang jahitan, perkhidmatan am dan bakeri.

Selain itu, Skim Bantuan Persekutuan juga disediakan bagi OKU yang berkelayakan dan berpendapatan bulanan RM1,200 dan ke bawah melalui Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar bantuan RM400 sebulan sebagai insentif untuk menggalakkan OKU terus bekerja, serta mampu hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.

Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan dan akan mempertimbangkan sekiranya terdapat cadangan atau pandangan yang beras dalam membangunkan serta meningkat ekonomi golongan OKU dalam usaha untuk mendorong mereka memajukan diri sama ada dalam bidang perniagaan atau apa sahaja yang demi masa depan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PORTFOLIO PENDIDIKAN

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah peruntukan untuk portfolio ini dari 2016-2018?
- Senaraikan semua program dibawah portfolio ini pada tahun 2018?

JAWAPAN:

- Jumlah peruntukan portfolio ini dari 2016 – 2018 adalah seperti berikut :

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN
2016	RM 26,000,000.00
2017	RM 37,000,000.00
2018	RM 39,000,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	RM 102,000,000.00

- Senarai program dibawah portfolio ini pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROGRAM
1.	Program Kesedaran dan Pencegahan Gejala Sosial - Generasi Berimpak (Gempak Selangor) - Pertandingan Mewarna.
2.	Program Teknik Belajar Yang Berkesan (Smart Learning) di seluruh Negeri Selangor.
3.	Program Kecemerlangan UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah) Di Seluruh Negeri Selangor.
4.	Program Ramah Mesra (Networking) bersama Penerima bantuan Sekolah (Sekolah Agama Rakyat) Seluruh Negeri Selangor Fasa 1 Tahun 2018.
5.	Program Pemberdayaan Profesionalisme Pengusaha Pendidikan Awal Kanak-kanak Negeri Selangor.

BIL	NAMA PROGRAM
6.	Program Syarahan Perdana Pendidikan Negeri Selangor.
7.	Seminar Pemikiran Tokoh Pemikir : Zaaba dan Hamka.
8.	Hari Ilmu Dan Pesta Buku Negeri Selangor Tahun 2018.
9.	Program Seminar Pedagogi Pendidikan Islam Abad Ke-21 Negeri Selangor.
10.	Seminar Integriti Dalam Pendidikan Negeri Selangor Tahun 2018.
11.	Program Galakan Membaca Negeri Selangor.
12.	Pertandingan Tilawah AL-Quran Braile Peringkat Kebangsaan Tahun 2018.
13.	Program Perdana Bersama Pelajar Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) 2018.
14.	Program Pemantapan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Negeri Selangor 2018.
15.	Pertandingan Debat dan Pidato Piala EXCO Pendidikan Negeri Selangor.
16.	Program Pecutan Akhir Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
17.	Program Karnival Pendidikan Selangor Tahun 2018.
18.	Program Tuisyen Rakyat Selangor.
19.	Program Tuisyen Online.
20.	Program Skim Tunas.
21.	Program Bantuan Pendidikan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : LIGA SUKAN UNTUK SEMUA (LISUS)

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang meneruskan Program LISUS terutama di peringkat Daerah?
- b) Apakah terdapat cadangan kerajaan bagi mewujudkan pertandingan sukan di kampung-kampung bagi menarik golongan belia kampung?

JAWAPAN:

JAWAPAN MASIH BELUM DITERIMA DARIPADA JAB. BELIA & SUKAN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : MELEBARKAN JALAN JAMBATAN KOTA

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan selalu terdapat kesesakan lalulintas di Jalan Jambatan Kota, adakah JKR dapat melebarkan jalan tersebut supaya lalulintas dapat lancar?

JAWAPAN:

- a) Jambatan Kota merupakan laluan persekutuan FT02 yang menghubungkan kawasan Bandar Pelabuhan Klang dan Jalan FT05 Kapar Klang. Kesesakan di Jambatan Kota disebabkan aliran trafik yang tinggi dari arah Kapar menuju ke Kuala Langat (Banting) dan seterusnya menuju ke Bandar Pelabuhan Klang.

Antara langkah yang telah diambil bagi mengatasi kesesakan lalu lintas adalah dengan membina Jambatan ke-3 Klang yang dapat menyuraikan aliran trafik dengan memendekkan masa perjalanan tanpa melalui Jambatan Kota. Projek Jambatan ke-3 Klang ini dapat menghubungkan jalan FT05 ke FT02 dengan melalui Tanjung Syawal dan Jalan Sg. Bertih tanpa melalui Bandar Klang.

Projek Jambatan ke-3 ini dibahagi kepada 2 Fasa yang mana Fasa 1 telah siap pada 15 Jun 2017 dan Fasa 2 sepanjang 6km akan menghubungkan jalan Sg. Bertih ke Persiaran Raja Muda Musa (FT02) telah dipohon kepada Cawangan Jalan IP JKR Malaysia pada 21 Februari 2019 untuk dilaksanakan di dalam RMK11 – RP5 Tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : LAPORAN KESAN PENILAIAN ALAM SEKITAR TEKNOLOGI WASTE TO ENERGY

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasil laporan kesan penilaian alam sekitar terhadap perancangan kerajaan membangunkan sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menggunakan teknologi Waste to Energy di Jeram, Kuala Selangor?

JAWAPAN:

- a) Cadangan sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menggunakan teknologi *Waste to Energy* di Jeram, Kuala Selangor adalah tertakluk di bawah Aktiviti 14(b)(i), Jadual Kedua, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 – Pembinaan Loji Rawatan Terma Sisa Pepejal. Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assesment, EIA) Jadual Kedua akan diproses oleh Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya.

Cadangan sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menggunakan teknologi *Waste to Energy* di Jeram, Kuala Selangor masih di dalam peringkat mendapatkan pengesahan ke atas Laporan Bidang Rujukan (*Terms of Reference* – TOR) bagi penyediaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) daripada Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya. Penggerak Projek iaitu Worldwide Holdings Berhad telah menyediakan dan mengemukakan Laporan Bidang Rujukan (*Terms of Reference* – TOR) bagi cadangan projek ini kepada Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya pada 14 Februari 2019.

TOR ini akan dikaji dan disemak oleh Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya untuk disahkan bagi penyediaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA). Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi membincangkan TOR ini akan diadakan pada 12 Mac 2019 di Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya yang akan turut dihadiri oleh beberapa agensi kerajaan yang lain seperti Bahagian Kawalan Penyakit di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS),

Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Selangor (JKKPNS), Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (JPSNS), PLAN Malaysia Negeri Selangor (JPBD), Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG) Selangor / Wilayah Persekutuan, Jabatan Perikanan Negeri Selangor, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) bagi cadangan sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menggunakan teknologi *Waste to Energy* di Jeram, Kuala Selangor ini, akan disediakan dan dikemukakan ke Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya selepas TOR disahkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : PERUMAHAN RAKYAT MAMPU MILIK GOLONGAN B40

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membangunkan perumahan rakyat mampu milik untuk golongan B40 di setiap daerah?
- b) Apakah langkah jangka panjang kerajaan untuk memastikan rakyat golongan B40 memiliki rumah?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa rakyat Negeri Selangor memiliki rumah sendiri khususnya untuk golongan B40. Sebagai langkah proaktif Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangorku (Rumah Selangorku 2.0) yang berkuatkuasa pemakaianya bermula pada 02 April 2018. Melalui dasar tersebut terdapat Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku) yang dijual bermula dari RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit dengan keluasan binaan dari 700 kaki persegi hingga 900 kaki persegi (jenis perumahan bertingkat) manakala 700 hingga 1,000 kaki persegi dan saiz 20' x 60' (jenis perumahan teres / bertanah). Rumah Selangorku merupakan rumah harga kawalan di mana harga jualan dan pembelinya dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

Melalui dasar tersebut, pihak pemaju / pemilik tanah dikenakan syarat untuk membina Rumah Selangorku berdasarkan kepada keluasan pembangunan dan ianya mengikut zon / kawasan pembangunan. Bagi zon 1 pembangunan, tapak pembangunan di bawah 5 ekar dikenakan syarat 20% Rumah Selangorku, 5 ekar hingga 10 ekar 20% Rumah Selangorku, 10 ekar hingga 20 ekar 30% Rumah Selangorku, 20 ekar hingga 50 ekar 40% Rumah Selangorku dan 50 ekar ke atas 40% Rumah Selangorku.

Bagi zon 2 pembangunan pula, tapak pembangunan melebihi 5 ekar hingga 10 ekar dikenakan syarat 15% Rumah Selangorku, 10 ekar hingga 20 ekar 30%

Rumah Selangorku, 20 ekar hingga 50 ekar 30% Rumah Selangorku dan 50 ekar ke atas 40% Rumah Selangorku.

Manakala bagi zon 3 pembangunan pula, tapak pembangunan melebihi 10 ekar hingga 20 ekar dikenakan syarat 30% Rumah Selangorku, 20 ekar hingga 50 ekar 30% Rumah Selangorku dan 50 ekar ke atas 40% Rumah Selangorku.

Oleh itu, sekiranya terdapat cadangan pembangunan perumahan yang dikemukakan oleh pihak pemaju / pemilik tanah adalah menjadi keutamaan / tanggungjawab pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk memastikan komposisi / syarat pembangunan Rumah Selangorku tersebut dipatuhi berdasarkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangorku (Rumah Selangorku 2.0) bagi memastikan Rumah Selangorku berada di pasaran sekaligus boleh ditawarkan kepada pembeli yang layak termasuk golongan B40.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, antara langkah jangka panjang Kerajaan untuk memastikan rakyat golongan B40 memiliki rumah adalah melalui beberapa pendekatan seperti berikut ;

(i) **Skim Smart Sewa**

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Smart Sewa dengan objektif utama adalah bagi membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan supaya dapat menyewa kediaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan kadar sewa yang berpatutan berbanding harga pasaran. Mereka ini akan diberi tempoh sewaan minima bagi setiap penyewa adalah selama 2 tahun dan maksima selama 5 tahun.

Penyewa akan mendapat pulangan semula 30 peratus daripada jumlah sewaan bersih yang dibayar apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan dalam tempoh 2 tahun hingga 5 tahun. Dengan pengembalian sebanyak 30 peratus wang sewaan bersih kepada pemohon maka wang tersebut boleh dijadikan sebagai wang pendahuluan dalam pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang. Kerajaan Negeri melalui LPHS akan memberikan keutamaan dalam penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek Rumah Selangorku sedia ada sekiranya terdapat kekosongan unit dengan pemohon memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.

Pembelian sebanyak 983 unit rumah mampu milik telah dilaksanakan di bawah Skim Smart Sewa oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) di mana syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) dilantik sebagai agen pengurusan bagi melancarkan pelaksanaan skim ini.

Sehingga kini, 341 unit rumah telah disewakan dengan kadar sewaan bermula daripada RM450.00 sebulan sehingga RM700.00 sebulan. Pada awal tahun 2019 sebanyak 101 telah disiapkan dan bakal untuk disewakan dalam masa terdekat manakala sebanyak 240 unit dijangka dapat disiapkan pada pertengahan tahun 2019 hingga awal tahun 2020. Memandangkan Skim Smart Sewa ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada golongan millennials, Kerajaan Negeri pada tahun 2019 telah meneruskan pembiayaan Skim Smart Sewa dengan memperuntukkan dana sebanyak RM50 juta untuk membeli unit-unit Rumah Selangorku sebanyak 301 unit.

(ii) Skim Sewa Milik (Maybank)

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sedang mengadakan kerjasama dengan pihak Maybank Berhad bagi mewujudkan satu skim sewa milik atau dikenali juga sebagai ‘*Rent To Own*’ khususnya untuk pembeli Rumah Selangorku di Negeri Selangor. Skim ini dapat membantu golongan B40 yang berpendapatan isi rumah RM 3,000-00 sebulan ke bawah untuk memiliki kediaman Mampu Milik atau Rumah Selangorku. Sehubungan dengan itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan oleh pihak LPHS bersama pihak Maybank dan memerlukan penelitian yang terperinci daripada semua pihak terlibat. Ini bagi memastikan mekanisma pelaksanaan ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan komprehensif serta mencapai objektif kepada golongan sasaran yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri. Setelah itu, cadangan tersebut akan dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan.

(iii) Skim Dana Sel

Bagi kes golongan yang tidak layak mendapatkan pinjaman bank, Kerajaan Negeri telah menyediakan Skim Pembiayaan Perumahan

Selangorku (Dana-Sel) yang berkonsepkan sewa dan milik bagi membantu golongan ini membeli Rumah Selangorku Jenis A. Kerajaan Negeri melalui anak syarikat LPHS iaitu syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) menguruskan skim ini melalui kaedah pembiayaan yang merupakan satu bentuk penyewaan jangka panjang bagi membolehkan pemohon bertukar status daripada penyewa kepada pemilik rumah dalam tempoh yang telah dipersetujui dengan mematuhi semua terma-terma Perjanjian Penyewaan dan Pemilikan. Skim ini akan dipertimbangkan untuk diperluaskan lagi pada masa akan datang agar ianya dapat membantu lebih ramai golongan B40 untuk memiliki kediaman.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : PROJEK PERINTIS BANDAR PINTAR

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan sebuah projek perintis Bandar Pintar demi merancakkan lagi usaha Selangor menuju Bandar Pintar 2025 ?

JAWAPAN:

- a) Beberapa projek Bandar Pintar sedang dibangunkan di Selangor, seperti Subang Jaya (oleh MPSJ) dan Petaling Jaya (oleh MBPJ). Selain itu, pihak pemaju perumahan di Negeri Selangor turut mengambil inisiatif membangunkan bandar pintar seperti Bandar Sunway (pemaju: Sunway Group) dan Cyberjaya (pemaju: Setia Haruman).

SSDU amat menggalakkan pembangunan lebih banyak bandar-bandar pintar sebegini dan akan membantu dari segi penyelarasan dengan program-program Smart Selangor serta bekerjasama sekiranya perlu bagi memastikan aspirasi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor sebagai Smart State terulung di ASEAN pada tahun 2025 akan menjadi kenyataan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : BILANGAN RUMAH IBADAT YANG MEMOHON TANAH

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan permohonan tanah ibadat setiap tahun daripada 2008 hingga 2018
- b) Butirkan bilangan lulus, tolak dan masih dalam pertimbangan

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali;

Sejak tahun 2008, sebanyak 699 permohonan tanah bagi tujuan rumah ibadat selain Islam telah diterima. Sehingga kini, sebanyak 301 permohonan telah diluluskan, 254 permohonan telah ditolak dan sebanyak 144 permohonan masih lagi dalam tindakan di peringkat Pejabat Tanah & Daerah Negeri Selangor dan pertimbangan pihak Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam.

LAMPIRAN

**BILANGAN PERMOHONAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM BAGI TEMPOH 2008 – 2018
MENGIKUT DAERAH DI NEGERI SELANGOR**

DAERAH	STATUS	08	09	10	11	12	13	14	15	16	17	18	JUMLAH
PETALING	LULUS	10	6	6	3	6	8	3	6	6	5	2	61
	TOLAK	0	0	0	8	12	23	8	5	0	3	5	64
	DALAM PERTIMBANGAN	0	0	1	2	2	8	1	1	2	12	12	41
KLANG	LULUS	14	3	3	5	1	4	6	6	12	4	1	59
	TOLAK	0	0	0	1	13	3	9	17	6	6	7	62
	DALAM PERTIMBANGAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	16	18
GOMBAK	LULUS	3	4	1	0	1	5	0	0	5	3	0	22
	TOLAK	0	0	1	8	8	5	2	1	2	5	1	33
	DALAM PERTIMBANGAN	0	0	0	0	0	0	0	0	1	3	3	7
HULU LANGAT	LULUS	9	1	2	3	3	3	3	4	2	8	11	49
	TOLAK	0	0	2	5	9	10	6	5	3	4	4	48
	DALAM PERTIMBANGAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	2	5
SEPANG	LULUS	2	1	1	2	2	0	3	1	0	1	5	18
	TOLAK	0	0	0	4	6	0	1	1	2	0	1	15
	DALAM PERTIMBANGAN	0	0	2	0	1	1	0	0	1	3	3	11

DAERAH	STATUS	08	09	10	11	12	13	14	15	16	17	18	JUMLAH
KUALA LANGAT	LULUS	4	3	2	0	0	4	0	1	4	2	1	21
	TOLAK	0	0	0	2	0	1	0	0	0	0	0	3
	DALAM PERTIMBANGAN	0	0	0	2	0	2	0	0	1	2	9	16
KUALA SELANGOR	LULUS	0	0	2	6	3	3	4	0	6	2	0	26
	TOLAK	0	0	0	2	7	1	1	1	2	0	0	14
	DALAM PERTIMBANGAN	0	0	0	2	0	0	2	3	0	3	6	16
HULU SELANGOR	LULUS	0	5	4	2	1	1	1	3	5	2	2	26
	TOLAK	0	0	1	7	0	0	1	1	0	0	0	10
	DALAM PERTIMBANGAN	0	0	0	5	2	1	1	5	3	1	1	19
SABAK BERNAM	LULUS	1	1	1	4	2	4	2	1	1	1	1	19
	TOLAK	0	0	0	0	3	2	0	0	0	0	0	5
	DALAM PERTIMBANGAN	0	0	0	1	7	0	0	0	2	1	0	11

LULUS	301
TOLAK	254
DALAM PERTIMBANGAN	144

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : ADUAN TANAH

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Isu berkaitan tanah di Bukit Jugra yang mana ada rungutan dan aduan tanah kerajaan telah dicerobohi.
- b) Apakah langkah PBT dalam menanganinya?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan semakan dan pemantauan yang dijalankan oleh Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat sehingga Mac 2019, didapati tiada pencerobohan yang serius di atas mana-mana tanah kerajaan di kawasan Bukit Jugra. Namun yang demikian, pentadbiran ini telah mengenal pasti terdapat penanaman anak kelapa sawit di atas simpanan jalan dan tindakan mengosongkan tanaman tersebut telah dijalankan.
- b) Di bawah bidang kuasa pejabat tanah, sekiranya didapati berlakunya pencerobohan, tindakan di bawah Seksyen 425 KTN akan dikenakan yang membolehkan penceroboh didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara tidak melebihi lima (5) tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : AHLI POLITIK DI MASJID DAN SURAU

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Adakah sebarang arahan rasmi melarang wakil rakyat berucap di dalam masjid atau surau?
 - Bolehkah seorang wakil rakyat yang mempunyai tauliah untuk mengajar agama di masjid dan surau?
 - Adakah boleh seorang wakil rakyat memimpin majlis tahlil, bacaan yasin dan doa?

JAWAPAN:

- Ada.
 - Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 3 Mac 2019 sempena Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan Nazir dan Imam Masjid-masjid Negeri Selangor yang menitahkan "*semua anggota politik khususnya wakil rakyat sama ada peringkat negeri mahupun parlimen , daripada parti kerajaan atau pembangkang, tidak dibenarkan berceramah serta berucap di dalam masjid serta surau.*"
 - Mesyuarat Ahli Dewan Diraja Selangor yang bersidang pada 4 Mac 2019 telah memutuskan bahawa **mana-mana ahli politik atau bekas calon pilihan raya yang mempunyai tauliah MAIS dibenarkan** menyampaikan ceramah selagi tidak menyentuh isu-isu politik kepartian, mengaibkan individu tertentu, menyebar fitnah , menjaga akhlak dan kemuliaan masjid / surau. Sekiranya mereka didadapi melanggar syarat yang ditetapkan, maka kebenaran tersebut akan ditarik balik.
- Boleh, dengan syarat ceramah yang disampaikan tidak menyentuh isu-isu politik kepartian, mengaibkan individu tertentu, menyebar fitnah, menjaga akhlak dan kemuliaan masjid / surau. Sekiranya mereka didadapi melanggar syarat yang ditetapkan, maka kebenaran tersebut akan ditarik balik.
- Tiada halangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : MASALAH BANJIR

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan segera yang diambil masalah banjir kilat dan kemalangan yang kerap berlaku ekoran projek pembinaan jalan Jenderam - Sepang?
- b) Apakah status rancangan " flood mitigation plan" terutama di kawasan Kg Chincang, Salak yang melibatkan Sungai Labu dan Sungai Chincang?

JAWAPAN:

- a) Berpandukan kepada laporan statistik keselamatan dan kesihatan terkini yang dikemukakan oleh kontraktor, tiada kemalangan jalan dilaporkan. Selain itu, jalan sedia ada tidak mempunyai lampu jalan dan skop projek menaiktaraf jalan Jenderam Sepang (B48) telah menyediakan skop pemasangan lampu jalan bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan tersebut. Masalah banjir kilat ini telah berlaku sebelum projek ini dilaksanakan. Dalam menangani isu banjir di kawasan terlibat, projek ini juga melibatkan pembinaan sistem saliran baru yang telah mengambil kira isu banjir di kawasan terlibat.
- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan Projek Tebatan Banjir Sg Chinchang dan juga Projek Tebatan Banjir Sg Labu seperti butiran berikut:-

Nama Projek	: Projek Tebatan Banjir Sg Chinchang
Kos kontrak	: RM5,120,000.00
Tarikh Mula	: 18.12.2018
Tarikh Siap	: 15.06.2020
Kemajuan fizikal	: 8% (Jadual) / 4% (Sebenar)

Nama Projek	: Projek Tebatan Banjir Sg Labu
Kos Kontrak	: RM17,754,000.00
Tarikh Mula	: 12.10.2018
Tarikh Siap	: 04.02.2021
Kemajuan fizikal	: 9% (Jadual) / 4% (Sebenar)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : BANDAR MESRA WANITA

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan bandar mesra wanita seperti termaktub dalam dasar wanita Selangor dan dasar komuniti negara.
- b) Apakah ciri-ciri bandar mesra wanita yang telah dilaksanakan. PBT mana yang telah pun melaksanakannya?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor menerusi Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor telah memulakan proses awal dalam memberi kesedaran mengenai penyediaan tempat awam yang lebih selamat dan bandar mesra wanita dengan melibatkan diri secara langsung dalam sesi *Gender Responsive Urban Planning and Design* di *Women's Assembly Malaysia Urban Forum* (MUF 2019) hasil kerjasama bersama pihak Urbanice Malaysia pada 19 Februari 2019 yang lalu.
- b) Ciri-ciri bandar mesra wanita (*UN Women, Safe Cities Module*) adalah apabila golongan wanita mahupun kanak-kanak perempuan:
 - (i) dapat menikmati kemudahan dan ruang awam tanpa rasa takut dan terancam;
 - (ii) dapat berpartisipasi dalam pembuatan keputusan yang melibatkan kawasan persekitaran mereka;
 - (iii) dapat jaminan hak asasi yang tidak meminggirkan golongan mereka;
 - (iv) dapat jaminan pihak autoriti akan mengambil tindakan dan perhatian kepada langkah pencegahan dan hukuman kepada pesalah laku keganasan terhadap wanita; dan
 - (v) mendapat jaminan akses kepada keadilan oleh pihak autoriti.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ingin melaksanakan bandar mesra wanita haruslah mengambil kira input dan pandangan daripada golongan wanita, yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan umur, khususnya semasa merancang untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama yang memberi penekanan kepada aspek perancangan bandar mesra wanita yang digelarkan sebagai '**Bandar Hijau Mesra Wanita**' seiring dengan kehendak semasa setiap warga setempatnya. MPSJ melaksanakan perkara tersebut bagi memenuhi keperluan dan kehendak kira-kira 64 peratus wanita daripada lebih kurang 790,000 penduduk di bawah pentadbirannya.

Selain daripada penambahbaikan kemudahan sedia ada, MPSJ juga menjadikan pendekatan Bandar Hijau Mesra Wanita tersebut sebagai satu usaha untuk memberdayakan penglibatan wanita. Selain daripada itu, MPSJ juga telah menetapkan indikator dalam penyediaan perkhidmatan mesra wanita yang merangkumi aspek **keselamatan, kesihatan, pendidikan dan perniagaan**.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)

TAJUK : ISU PENYELENGGARAAN DI RUMAH KOS RENDAH

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan Negeri banyak membantu rakyat memiliki rumah kos rendah. Namun begitu, tertimbul banyak isu-isu penyelenggaraan rumah-rumah kos rendah apabila pihak JMB/MC tidak mampu mengutip bayaran daripada penduduk-penduduk. Adakah terdapat sebarang cara penyelesaian yang diikhtiarkan oleh pihak Kerajaan Selangor?

JAWAPAN:

- a) Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] telah memperuntukkan kaedah kepada pihak pengurusan pangaspuri iaitu pemaju, badan pengurusan bersama (JMB), perbadanan pengurusan (MC) atau ejen pengurusan yang dilantik Pesuruhjaya Bangunan (COB) untuk mendapatkan kutipan bayaran caj seperti berikut:

- i- Seksyen 34, 78 Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]

Memfailkan saman atau tuntutan ke mahkamah atau Tribunal Pengurusan Strata. Sekiranya, pemilik masih ingkar mematuhi keputusan mahkamah atau tribunal, mereka boleh didakwa ke mahkamah oleh COB melalui izin pendakwaan dan apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan dalam suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagiannya kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

- ii- Seksyen 35, 79 Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]

Melaksanakan penahanan harta alih. Pihak Berkuasa Tempatan telah diminta untuk membantu membuat operasi bersepadu bersama pihak pengurusan pangaspuri untuk melaksanakan proses penahanan harta alih dan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan-kesalahan lain yang berkaitan.

Selain itu, bagi tahun 2019 Kerajaan Negeri akan melaksanakan duplikasi projek K-Inovasi yang telah dimenangi di peringkat Kerajaan Negeri oleh JMB Pangsapuri Kenanga Gombak Permai dan JMB Iris, Saujana Utama yang didapati memberi impak untuk memberdayakan kemampuan kewangan pihak pengurusan pangsapuri seperti berikut:

- i- Pusat Kitar Strata dengan pemberian kupon kepada pemilik yang boleh dikontra dengan pembayaran caj.
- ii- Pusat pembayaran sehenti melalui mesin E-payment di pejabat pengurusan pangsapuri untuk memudahkan pemilik melaksanakan lain-lain bayaran seperti bil utiliti, tambah nilai prabayar telefon dan sebagainya.

Projek K-Inovasi yang terpilih ini bukan sahaja memberi impak untuk memberdaya kemampuan kewangan malahan lain-lain kesan positif seperti berikut:

- i- Mengeratkan hubungan melalui kaedah komunikasi bersemuka antara pihak pengurusan pangsapuri dan pemilik supaya input-input pengurusan dan penyenggaraan pangsapuri dapat dihebahkan secara meluas serta meningkatkan kepercayaan pemilik dengan pihak pengurusan pangsapuri seterusnya memberi kesan kepada penambahan hasil kutipan caj.
- ii- Menjimatkan kos pengurusan dan penyenggaraan bangunan melalui pendidikan budaya di pelbagai peringkat umur yang bermula dengan penjagaan kebersihan dan pengurangan pembuangan sampah domestik seterusnya memelihara serta menggunakan harta bersama yang lain dengan cermat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : TANAH RIZAB PKNS

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keluasan milik tanah PKNS yang belum diusahakan. Sila senaraikan keluasan mengikut daerah.
- b) Apakah hubungan Spanland Sdn Bhd dengan PKNS?
- c) Apakah jenis projek perumahan yang telah dibangunkan oleh Spanland Sdn Bhd bersama Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Keluasan tanah yang dimiliki oleh PKNS yang belum diusahakan lagi mengikut daerah adalah seperti berikut :

BIL.	DAERAH	KELUASAN (EKAR)
1.	Petaling	277.793
2.	Gombak	640.89
3.	Hulu Langat	997.76
4.	Hulu Selangor	5708.14
5.	Kuala Selangor	142.164
6.	Sabak Bernam	85.00
7.	Klang	216.16
8.	Sepang	282.15
9.	Cameron Highlands	1.93
10.	Port Dickson	0.46
JUMLAH		8352.45

- b) PKNS dan Syarikat Spanland Sdn Bhd merupakan rakan usahasama yang mana kedua-dua belah pihak telah menandatangani satu Perjanjian Penswastaan pada 2 November 2004 untuk memajukan sebidang tanah kepunyaan PKNS di Rawang Daerah Gombak seluas 65.97 ekar.
- c) Sehingga kini Spanland Sdn Bhd belum ada sebarang pembangunan yang dilaksanakan bersama PKNS. Bukit Lagong adalah projek pertama dengan PKNS dan pembangunan belum dimulakan. PKNS menunggu kelulusan pembatalan warta hutan daripada Pihak Berkuasa Tempatan sebelum sebarang pembangunan dimulakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

TAJUK : GARIS PANDUAN MARRIS

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Jawatankuasa Pengurusan Pemberian (JPP) MARRIS mengkaji semula Garis Panduan MARRIS selepas Mei 2018? Jika ya, nyatakan butir-butirnya
- b) Nyatakan kerja-kerja melebar longkang yang pernah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri untuk pertimbangan pihak Kementerian Kewangan secara case by case basis.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, tiada kajian semula Garis Panduan MARRIS dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (JPP MARRIS) selepas Mei 2018.
- b) Kementerian Kewangan pada 5 Oktober 2017 telah meluluskan cadangan penggunaan peruntukan MARRIS bagi kerja pelebaran dan pemberian longkang untuk mengatasi masalah banjir di Taman Gombak Ria, Daerah Gombak dengan kos sebanyak **RM1,931,415.00**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PENGANGGURAN DAN PELUANG PEKERJAAN

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kadar pengangguran di Negeri Selangor?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam membuka lebih peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan mengurangkan kadar pengangguran di negeri ini?

JAWAPAN:

- a) Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Bukit Melawati** yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan Survei Tenaga Buruh, kadar pengangguran bagi negeri Selangor pada 2017 adalah 2.8 peratus. Kadar pengangguran bagi negeri Selangor pada 2016 dan 2017 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Kadar pengangguran bagi negeri Selangor, Malaysia, 2016 dan 2017

	(%)	
	2016	2017
Malaysia	3.4	3.4
Selangor	3.2	2.8

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Statistik tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB) dan merujuk kepada penduduk yang berumur 15-64 tahun semasa minggu rujukan.
 2. STB merupakan kajian sampel berkebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah untuk mendapatkan maklumat anggaran tenaga buruh dan pengangguran peringkat penduduk. Kajian ini dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan badan antarabangsa iaitu *International Labour Organization* (ILO) yang diguna pakai oleh kebanyakan negara.
 3. Kadar pengangguran ialah perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk dalam tenaga buruh.
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dalam menganjurkan program - program tersebut dalam membuka lebih peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan mengurangkan kadar pengangguran di negeri ini seperti berikut:

i. **Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair**

Program Karnival Kerjaya - *Selangor Job Fair* adalah kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia iaitu sebuah program yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program ini telah diperkenalkan sejak tahun 2014 dan telah dilaksanakan sebanyak dua (2) siri pada tahun 2018. *Selangor Job Fair* siri I telah diadakan pada 4 Ogos 2018 bertempat di *Shah Alam Convention Centre*, Shah Alam. Seramai 5,359 pencari kerja berdaftar telah hadir dan daripada jumlah tersebut seramai 3,177 calon (59.28%) telah berjaya mendapat pekerjaan daripada majikan yang terlibat. Manakala *Selangor Job Fair* siri II telah diadakan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada 15 Disember 2018 telah mencatat kehadiran 1,695 pencari kerja berdaftar dan seramai 309 calon (18.23%) telah mendapat tawaran pekerjaan daripada program ini.

ii. **Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam melalui kursus dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentaulahan Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus *Soft Skills* Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (Online)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
- *Mobile Service Aircond*
- Cuci Kasut
- Mobile Barber
- Ayam Gunting
- Terapi Bekam
- Bakery
- *Mobile Spa*
- Dekorasi Pelamin
- Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Pada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta yang telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi bagi purata pendapatan berjumlah RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

iii. Program Inisiatif Kemahiran Teknikal & Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS)

Pada tahun 2018, Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) telah diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu Belanjawan 2018 Negeri Selangor. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pembiayaan kepada 1,000 belia Selangor dalam pelbagai bidang kemahiran berimpak tinggi. Program kemahiran ini menawarkan pelbagai latihan teknikal dan vokasional yang memberi fokus kepada lima bidang utama dalam industri iaitu sains hayat, elektrik dan elektronik, jentera dan peralatan, makanan dan minuman serta aeroangkasa. Program ini ditawarkan kepada belia Selangor dalam tempoh tertentu di mana setelah tamat program kemahiran ini, belia – belia ini akan diserapkan sebagai tenaga mahir di dalam pasaran industri – industri di Selangor.